



**MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA (MRM)**  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
D/A SIRIM BERHAD, Lot 5285, Lebuhraya Sungai Besi-Puchong,  
57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-8992 6043  
e-mail : [info@mrm.gov.my](mailto:info@mrm.gov.my)  
Website : [www.mrm.gov.my](http://www.mrm.gov.my)  
Facebook : Majlis Rekabentuk Malaysia



### **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK LIM BAN HONG  
TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**MAJLIS PELANCARAN CERTIFIED INDUSTRIAL DESIGNER (CID) &  
PENYAMPAIAN HADIAH KEMPEN KREATIF COVID-19**

**SERTA**

**PELANCARAN SIRIM 3D PRINTING MARKET PLACE**

**6 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**10.00 PAGI**

**RUANG WALL OF FAME, MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA (MRM),  
SIRIM BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR**

- Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi, SIRIM Berhad
- Yang Berbahagia Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad
- Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Pengurus Besar, Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)
- Yang diraikan pemenang- pemenang pertandingan Kempen Kreatif Covid-19
- Tetamu-tetamu jemputan daripada pelbagai institusi dan organisasi, rakan-rakan strategik, pengamal-pengamal media,
- Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Selamat pagi dan salam sejahtera.**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MRM kerana telah menjemput dan memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama meraikan **MAJLIS PELANCARAN CERTIFIED INDUSTRIAL DESIGNER (CID) & PENYAMPAIAN HADIAH KEMPEN KREATIF COVID-19 SERTA PELANCARAN SIRIM 3D PRINTING MARKETPLACE**. Saya berasa amat berbangga dan bertuah kerana buat julung kalinya saya dapat bersua muka dengan warga MRM dan SIRIM pada hari yang cukup indah ini.
2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kita masih lagi berada dalam fasa Perintah kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), setelah lebih kurang empat bulan kita bertarung dengan penularan wabak COVID-19. Kita bersyukur kerana hasil tindakan segera pihak Kerajaan dan dengan kerjasama rakyat Malaysia yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP), kita telah berjaya membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.
3. Justeru, saya berharap tetamu-tetamu yang hadir pada pagi ini dapat terus memberi sokongan kepada pihak Kerajaan dan sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan sosial, menggunakan sanitiser dan sebagainya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

Industri Reka bentuk di Malaysia

4. Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) kini secara rasminya telah menjadi salah sebuah daripada 13 agensi yang diletakkan di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Langkah ini merupakan satu usaha Kerajaan untuk memartabatkan industri reka bentuk di negara ini dalam membantu pembangunan perindustrian dan memperkuatkan penjenamaan bagi barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Malaysia, setanding dengan negara-negara maju lain.

5. Untuk makluman semua, industri reka bentuk sama sekali tidak boleh dilihat sebagai instrumen kosmetik semata-mata kerana peranan dan fungsi reka bentuk adalah sangat penting terutamanya dalam pembangunan industri negara. Dalam hal ini, peranan sedia ada MITI dalam menyelaras semua agenda pembangunan sektor-sektor industri seperti sektor perkilangan dan perkhidmatan, dan kini akan turut memainkan peranan untuk menyelaras agenda pembangunan industri reka bentuk negara.
6. Seperti semua sedia maklum, kita sedang menempuh era Industry 4.0 atau IR4.0, yang menekankan kepada automasi pembuatan yang turut meliputi '*cloud computing*', *Industrial IOT* dan juga kemajuan dalam teknologi digital lain. Dengan ini, proses yang diguna pakai dalam industri reka bentuk juga perlu dikemaskini supaya iaanya seiring dengan kemajuan era IR 4.0. Perea bentuk atau *designers* perlu memberi perhatian yang serius untuk mengambil kira elemen pengalaman pengguna atau *user experience* supaya hasil kerja mereka lebih dipercayai dan diterima pakai oleh pengeluar produk dan juga pengguna. Selain itu, *industrial designers* juga disarankan untuk turut mengambil manfaat daripada dana bantuan Kerajaan seperti *intervention fund* di bawah program Industry4WRD. MITI juga mempunyai program khusus untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan khususnya PKS untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0 dalam proses pembuatan dan pengurusan syarikat. Dalam hal ini, firma-firma *industrial designing* juga boleh mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan menerusi aplikasi teknologi Industri 4.0. Antara bantuan yang ditawarkan adalah menerusi geran padanan sehingga maksima RM500,000 untuk sebuah syarikat.
7. Dengan ini, peranan yang dimainkan oleh para perea bentuk bagi sektor industri atau *industrial designers* adalah sangat penting untuk menghasilkan produk bernilai tambah tinggi. Komposisi nilai tambah bagi sesuatu produk moden seperti alat telekomunikasi, kenderaan dan produk pengguna akan meningkat dengan penghasilan reka bentuk yang menepati kemahuan dan cita rasa pengguna. Oleh itu, MRM perlu memainkan peranan lebih aktif dan

relevan dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan dalam mengembangkan keupayaan dan kapasiti sektor industri tempatan untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

**Certified Industrial Designer**

8. Pada pagi ini, kita cukup bertuah kerana dapat menyaksikan tiga acara yang akan diadakan secara serentak. Semua acara tersebut merupakan usaha yang telah ditonjolkan oleh pasukan MRM dan SIRIM untuk menjadikan negara kita kekal kompetitif dalam persaingan ekonomi global serta seiring dengan perkembangan teknologi dan inovasi.
9. Sebagai sebuah agensi yang tidak pernah jemu memperkasakan kepentingan industri reka bentuk di Malaysia dan antarabangsa, MRM telah mengorak langkah mencipta sejarah yang tersendiri dengan melancarkan **Certified Industrial Designer (CID)** sebagai tanda pengiktirafan kepada pereka-pereka industri reka bentuk tempatan. Tahniah saya ucapan kepada Jawatankuasa Kerja MRM *Standard on Competence Criteria for Industrial Designer* yang telah menyumbang kepakaran intelektual sepanjang penghasilan standard bagi program Certified Industrial Designer (CID) ini.
10. Usaha yang telah ditunjukkan oleh MRM untuk mewujudkan pensijilan Certified Industrial Designer merupakan langkah yang harus dipuji demi kelangsungan industri reka bentuk di Malaysia. Malah, langkah ini juga wajar dijadikan contoh kepada agensi-agensi yang lain untuk bersama-sama merancakkan pembangunan sosio ekonomi di negara kita.

**Pertandingan Kempen Kreatif Covid-19**

11. Hadirin yang dihormati, selain daripada pelancaran Certified Industrial Designer, pada pagi ini juga kita akan meraikan kemenangan peserta-peserta

yang telah bertungkus-lumus mencerahkan kreativiti dan idea bagi memenangi Pertandingan Kempen Kreatif COVID-19 yang telah diadakan dari 7 hingga 29 Mei 2020.

12. Saya dimaklumkan bahawa tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap ancaman virus COVID-19 kepada negara melalui cara penyampaian mesej kepada masyarakat umum dengan menggunakan reka bentuk yang lebih berkesan. Saya mengalu-alukan usaha ini dan berharap hasil daripada pertandingan ini dapat memberikan mesej yang lebih berkesan mengenai bahaya wabak COVID-19 dan perlunya rakyat sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan seperti disarankan oleh Kerajaan bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19.

13. Saya berharap MRM akan terus mengadakan pelbagai lagi pertandingan seumpama ini berasaskan reka bentuk supaya kita dapat mencungkil bakat-bakat yang terpendam di kalangan rakyat Malaysia dan seterusnya menggalakkan lebih ramai pereka di luar sana untuk turut serta dalam pembangunan industri reka bentuk negara. Sekali lagi saya ucapan tahniah kepada semua pemenang pertandingan ini.

#### SIRIM 3D Printing Marketplace

14. Hadirin sekalian, saya juga ingin berkongsi mengenai pelancaran SIRIM 3D Printing MarketPlace yang turut diadakan pada hari ini. Untuk makluman semua, My 3D Printing MarketPlace merupakan sebuah portal yang dibangunkan oleh pereka, untuk pereka.

15. Portal ini akan menjadi medium bagi para pereka untuk berhubung dan berkongsi idea sesama mereka dalam industri reka bentuk, teknologi serta pembuatan. Ini terbukti apabila terhasilnya rekaan pelindung muka yang

ringkas dan inovatif untuk digunakan oleh ‘frontliners’ dalam memerangi COVID-19 baru-baru ini.

16. Pengguna portal bukan sahaja boleh mengakses rekaan yang dikongsi, malah mereka juga boleh memuat naik serta memuat turun data yang dikongsikan di portal berkenaan. Portal ini juga memberi ruang kepada pereka untuk menjana pendapatan apabila terdapat pengguna lain menggunakan portal ini dan mencetak rekaan 3D mereka seterusnya membina portfolio sebagai pereka. Diharapkan portal yang telah disediakan ini dapat memberi kebaikan dan manfaat, sekaligus melahirkan lebih ramai pereka tempatan yang kreatif dan inovatif.
17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada MRM dan SIRIM serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program pada pagi ini. Saya juga ingin menyeru semua rakyat Malaysia agar lebih menghargai kepentingan reka bentuk supaya kita semua mampu bangkit semula walaupun negara masih berhadapan dengan kemelesetan ekonomi akibat daripada wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

*Duration speech: 9 -10 minutes*